

4. SYARAT-SYARAT PENERIMAAN TAWARAN PERKHIDMATAN HAJI

- 4.1 Bakal haji hendaklah mendaftar haji dengan Lembaga Tabung Haji (**TH**) serta telah menerima surat tawaran terpilih untuk menunaikan fardu haji **1443H**.
- 4.2 Bakal haji bertanggungjawab mencukupkan Bayaran Haji pada kadar Bayaran Haji Jemaah Haji Muassasah atau kadar Bayaran Haji yang ditetapkan oleh **TH**.
- 4.3 Bakal haji hendaklah bertolak dari Malaysia, jika bakal haji memilih bertolak dari luar negara dan Visa Haji diuruskan oleh **TH**, maka tiada bayaran balik kos penerbangan pergi/balik ke Tanah Suci.

5. MENARIK DIRI / PEMBATALAN

- 5.1 Menarik Diri Dari Mengikuti Pakej Haji Alif Travel & Tours Sdn. Bhd.
- 5.1.1 Bakal haji yang telah membuat pengesahan penerimaan tawaran perkhidmatan haji pakej haji Alif Travel & Tours Sdn. Bhd., tidak dibenarkan untuk menarik diri atau menyertai pakej haji syarikat lain atau mengikuti kaedah **TH** - Muassasah.
- 5.1.2 Bakal haji yang membatalkan pemergian menunaikan haji adalah tertakluk kepada syarat-syarat pembatalan yang telah ditetapkan oleh Alif Travel & Tours Sdn. Bhd.


6. ADUAN

- 6.1 Sebarang Perkhidmatan Alif Travel & Tours Sdn. Bhd. di Tanah Suci yang tidak memuaskan bakal haji dan ingin diadukan kepada pihak **TH**, hendaklah dibuat di Tanah Suci iaitu di Pusat Perkhidmatan Maktab **Pengelola Jemaah Haji (PJH)**, sebelum jemaah haji berangkat balik ke Tanah Air.

7. PENGAKUAN

- 7.1 Saya dengan rela hati bersetuju untuk menerima tawaran perkhidmatan haji **1443H** oleh Alif Travel & Tours Sdn Bhd. berdasarkan Tawaran Perkhidmatan Haji dan syarat-syarat pembatalan yang telah ditetapkan oleh Alif Travel & Tours Sdn. Bhd.
- 7.2 Saya mengesahkan semua butiran yang saya turunkan di kedua-dua mukasurat borang ini adalah benar.
- 7.3 Saya bersetuju mematuhi Syarat-Syarat Penerimaan Tawaran Perkhidmatan Haji oleh Alif Travel & Tours Sdn. Bhd. seperti yang dinyatakan di atas.

Yang Benar,



Cop Ibutjari Kiri Pemohon

&

Tandatangan Pemohon

Pengesahan Oleh :
Alif Travel & Tours Sdn. Bhd.

Tandatangan

Nama : HAJI MARON BIN MORSIDI

Jawatan : PENGARAH URUSAN

Tarikh :

Cop rasmi Alif Travel & Tours Sdn. Bhd.

Tarikh : _____